



## GARIS PANDUAN PERATURAN PAKAIAN GRADUAN

### POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR

**Majlis Graduasi Flex 2024** akan diadakan pada **Ketetapan berikut;**

SIDANG 6		
TARIKH	MASA	TEMPAT
17.08.2024 (Sabtu)	2.00 ptg	Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai

Sehubungan itu, dipohon kerjasama para graduan untuk mengambil tindakan-tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

#### 1.0 PERATURAN PAKAIAN GRADUAN

Graduan yang hadir ke majlis raptai dan graduasi hendaklah berpakaian kemas dan mematuhi peraturan berpakaian yang ditetapkan seperti berikut:

##### 1.1 HARI RAPTAI

###### GRADUAN LELAKI

- i) Baju kemeja atau t-shirt berkollar dan seluar *slack*.
- ii) Kasut hendaklah jenis bertutup dan berwarna hitam / gelap. Sandal dan kasut sukan **TIDAK DIBENARKAN**.
- iii) Graduan hendaklah berambut pendek.
- iv) Graduan yang berambut panjang, berekor atau diwarnakan **DILARANG** mendaftar diri untuk raptai dan seterusnya **TIDAK BOLEH** menyertai majlis graduasi.

###### GRADUAN WANITA

- i) Baju kurung tradisional / kebaya labuh / kebarung atau *Lounge Dress* (sekiranya memakai skirt mestilah melepas paras lutut). Graduan **DILARANG** sama sekali memakai pakaian yang tidak sopan, jarang, ketat dan mendedahkan.
- ii) Kasut hendaklah jenis bertutup dan berwarna hitam / gelap. Sandal dan kasut sukan **TIDAK DIBENARKAN**.

## 1.2 HARI GRADUASI

### GRADUAN LELAKI

- i) Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak PMTG).
- ii) Baju kebangsaan berwarna hitam yang lengkap (songkok, baju, seluar, samping dan berbutang) atau
- iii) Baju kemeja lengan panjang berwarna putih dengan tali leher, seluar *slack* berwarna hitam dan *blazer* warna hitam / gelap).
- iv) Kasut bertutup berwarna hitam / gelap dan berstokin hitam.
- v) Seluar *jeans*, baju seragam dan kemeja-T **TIDAK DIBENARKAN**.
- vi) Rambut kemas dan pendek. Graduan yang berambut panjang, berekor atau diwarnakan **TIDAK** akan dibenarkan menyertai majlis graduasi.

### GRADUAN WANITA

- i) Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak PMTG).
- ii) Baju kebangsaan (baju kurung atau kebaya labuh / kebarung-warna bebas) dan memakai tudung berwarna putih / krim tanpa corak bagi yang beragama Islam atau
- iii) Skirt labuh hingga ke buku lali, kemeja lengan panjang.
- iv) Graduan yang mengandung boleh memakai pakaian yang bersesuaian.
- v) Kain jenis '*lace*' boleh dipakai dengan syarat ada '*lining*'.
- vi) Kasut hendaklah jenis bertutup dan berwarna hitam / gelap (ketinggian kurang daripada 3 inci). Sandal **TIDAK DIBENARKAN**.
- vii) Graduan yang memakai pakaian yang tidak sopan / menjolok mata, jarang, berbelah, ketat dan mendedahkan aurat **TIDAK** akan dibenarkan menyertai majlis graduasi.

**PERHATIAN : Graduan yang gagal mematuhi peraturan pakaian **TIDAK DIBENARKAN** untuk memasuki dewan.**

**PEMAKAIAN YANG DIBENARKAN**



**PAKAIAN YANG DILARANG**



**KEMASAN RAMBUT**



**KASUT YANG DIBENARKAN**

